

# PROGRAM PEMANTAPAN KEROHANIAN KELUARGA MISKIN DAN MISKIN TEGAR TELUK KETAPANG, KUALA TERENGGANU

(PROGRAMME FOR STRENGTHENING THE SPIRITUAL DEVELOPMENT OF POOR  
AND HARDCORE POOR FAMILIES IN TELUK KETAPANG, KUALA TERENGGANU)

Razi bin Yaakob<sup>1</sup>  
Hamdan Aziz, Ph.D<sup>2</sup>  
Daud bin Ismail, Ph.D<sup>3</sup>  
Abdulsoma Thoarlim, Ph.D<sup>4</sup>  
Nor Hayati Sa'at, Ph.D<sup>5</sup>  
Ibrahim Mamat, Professor Ph.D<sup>6</sup>  
Wan Ismail Wan Abdullah<sup>7</sup>

## Abstrak

*Perubahan sosiobudaya, sikap dan perlakuan masyarakat pesisiran pantai merupakan salah satu aspek terpenting dalam usaha membangunkan masyarakat di Pantai Timur Semenanjung Malaysia khususnya di perkampungan nelayan Teluk Ketapang, Kuala Terengganu. Kampung ini telah dibuka oleh orang Bugis dari Kepulauan Riau yang singgah untuk berlindung buat sementara waktu pada musim tengkujuh sebelum meneruskan pelayaran ke Kamboja bertujuan berdagang dan belajar. Nama kampung ini diambil daripada nama asal kampung nelayan Bugis di Riau. Ia berada kira-kira 10 km dari pusat bandar Kuala Terengganu. Kampung ini dikelilingi oleh Kampung Telaga Daing, Kampung Duyong, Kampung Bukit Tok Beng dan Kampung Telada Batin. Bilangan penduduk kampung seramai 3452 orang yang terdiri daripada tujuh kategori pekerjaan iaitu hasil selidikan pada tahun 2010. Rumusan data kajian menunjukkan berlaku tidakseimbangan pendapatan isi rumah mengikut jenis pekerjaan. Komuniti pesisir berada pada kedudukan istimewa dalam sejarah yang tinggal di pantai timur, mereka pernah mejadi pedagang dan pelaut, di samping melibatkan diri sebagai nelayan, petani serta pertukangan kraftangan. Dalam tempoh dua dekad kebelakangan ini, proses modenisasi yang pesat telah memberi kesan mendalam ke atas masyarakat ini. Walaupun banyak program telah di laksanakan oleh pihak kerajaan dan swasta, tetapi terdapat juga kumpulan yang terus tercicir dari arus pembangunan. Antara faktor utama projek yang telah dijalankan tidak mencapai objektif adalah kerana ia tidak menepati keperluan kumpulan sasar dan kurang peka terhadap ajaran agama Islam. Oleh itu, Malalui kajian yang telah dibuat dengan kerjasama dengan beberapa buah agensi kerajaan seperti Universiti Malaysia Terengganu, Unit Perancang*

<sup>1</sup> Pensyarah, Pusat Penataran Ilmu, Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA). Emel: raziyaakob@unisza.edu.my

<sup>2</sup> Pusat Pendidikan Asas dan Liberal, Universiti Malaysia Terengganu (UMT), Hamdan.aziz@umt.edu.my

<sup>3</sup> Fakulti Pengajian Kontemporari Islam, Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA). Emel: daudismail@unisa.edu.my

<sup>4</sup> Fakulti Pengajian Kontemporari Islam, Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA). Emel: abdulsomad@unisza.edu.my

<sup>5</sup> Jabatan Sosial Ekologi, Universiti Malaysia Terengganu (UMT). Emel: norhayati@umt.edu.my

<sup>6</sup> Pengarah Institut Darul Iman, Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA). Emel: mibrahim@unisza.edu.my

<sup>7</sup> Fakulti Kontemporari Islam, Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA). Emel: oneweil97@gmail.com

*Ekonomi Negeri (UPEN)Terengganu, Jabatan Hal Ehwal Agama Terengganu (JHEAT), Majlis Agama Islam, Adat Melayu Terengganu (MAIDAM) dan Jabatan Perikanan Negeri Terengganu bergabung untuk melihat suatu perubahan yang akan melonjak kesedaran masyarakat kearah positif. Kajian ini menggunakan metodologi analisis persampelan, instrument kajian, Pengumpulan data analisis data yang telah dibahagikan kepada empat fasa utama iaitu analisis situasi dan keperluan komuniti, merancang projek pembangunan berdasarkan keperluan, pelaksanaan projek pembangunan dan penilaian kesan projek keatas kumpulan sasar. Harapan semoga kajian ini boleh mengubah sosioekonomi melalui kesedaran agama yang mendalam sebagai asas untuk pembangunan sosioekonomi.*

**Kata kunci:** *Miskin Tegar, Agama, Perubahan Sosiobudaya, Program Pemantapan Kerohanian Keluarga Miskin Dan Miskin Tegar Teluk Ketapang, Kuala Terengganu*

### **Abstract**

*Changes in socio-cultural, attitudes and behavior of coastal communities are the most important aspects in the community development in the East Coast of Peninsular Malaysia, especially in the fishing village of Teluk Ketapang. The village was established by the Bugis from Sulawesi Utara who took the break during their journey in the rainy season before continuing their voyage to Cambodia for trade and learning. The village's name, i.e Teluk Ketapang was taken from the original name of the fishing village of Bugis in Riau. It is located for about 10 km from Kuala Terengganu city center. This village is surrounded by several other villages such as Kampung Telaga Daing, Kampung Duyong, Kampung Bukit Tok Beng and Kampung Batin. The population of the village is 3,452 people. The data showed a gap between household incomes according to the type of work of the respondents. Coastal communities are in a special position based on the history by virtue that they were traders and sailors, as well as engaging as fishermen, farmers and carpentry crafts. In the last two decades, the rapid modernization process had a profound impact on this community. In spite of many programs have been implemented by the government and the private sector, there are still groups who continue to drop out from the mainstream development. Several major projects were failed to achieve the objectives because two main reasons; they do not fulfil the needs of the target groups and they were not following the teachings of Islam. Thus, through this study that was conducted in collaboration with several government agencies such as Universiti Malaysia Terengganu, State Economic Planning Unit (EPU), Terengganu Religious Affairs Department (JHEAT), the Islamic Religious Council and Adat Melayu Terengganu (MAIDAM) and the State Fisheries Department of Terengganu to inculcate public awareness towards a positive change. This study utilizes the method of community needs analysis. The questionnaires were used as an instrument to collect data about the profile and needs of respondents. Data were analyzed through four phases, namely the situation and community needs analysis, planning of development projects based on the needs, implementation of projects and evaluation of the impact of the project on the target groups. Consequently, the recommendations of this study would bring change to the lives of community based on a religious teaching as the basis for socio-economic development.*

**Key Words:** *Hardcore Poor, Religion, Community Needs Analysis, Socioculture Change*

## **Pengenalan**

Kampung Teluk Ketapang berada kira-kira 10 km dari pusat bandar Kuala Terengganu. Lapangan Terbang Sultan Mahmud, Stadium Sultan Mizan, stadium tertutup dan beberapa gelanggang sukan terbuka juga terdapat berhampiran kampung ini. Ia dikelilingi oleh beberapa buah kampung lain seperti Kampung Telaga Daing, Kampung Duyong, Kampung Bukit Tok Beng dan juga Kampung Telaga Batin. Pantai.

Pada tahun 2010, bilangan penduduk kampung Teluk Ketapang adalah seramai 3452 orang yang terdiri daripada tujuh kategori pekerjaan iaitu bekerja kerajaan (543 orang), petani atau nelayan (616 orang), bekerja sendiri (65 orang), bekerja swasta (136 orang), suri rumah (410 orang), pesara (78 orang) dan penganggur (16 orang). Berdasarkan data yang ditunjukkan, didapati berlaku ketidakseimbangan pendapatan isi rumah mengikut jenis pekerjaan. Oleh sebab itu, peratusan miskin dan miskin tegar masih tinggi dan berlaku agihan pendapatan yang tidak setara di antara penduduk kampung berkenaan. Golongan miskin (Nelayan) ini mendiami kawasan sepanjang pesisir pantai Seberang Takir manakala golongan pertengahan dan golongan elit berpusat di kawasan jalan utama Seberang Takir. Keadaan ini menyebabkan wujud jurang yang besar di antara penduduk kampung tersebut.

Perubahan sosiobudaya, sikap dan perlakuan masyarakat pesisir pantai merupakan salah satu aspek terpenting dalam usaha membangunkan masyarakat di Pantai Timur Semenanjung Malaysia. Di Negeri Terengganu, masyarakat komuniti pesisir berada pada kedudukan istimewa dalam sejarah hidup penduduk pantai timur. Mereka pernah menjadi pedagang dan pelaut, di samping melibatkan diri sebagai nelayan, petani serta pertukangan kraftangan. Dalam tempoh dua dekad kebelakangan ini, proses modenisasi yang pesat telah memberi kesan mendalam ke atas masyarakat ini.

Secara umumnya, program pembangunan yang dianjurkan oleh pelbagai agensi telah mencapai kejayaan. Namun begitu, terdapat juga kumpulan yang terus tercicir daripada arus pembangunan. Di sebalik pelbagai bantuan subsidi dan projek pembangunan yang disasarkan kepada kumpulan miskin, mereka masih daif dan tidak mendapat manfaat sepenuhnya.

Melalui kajian yang dijalankan oleh agensi mengikut kepakara daripada Universiti Malaysia Terengganu (UMT), Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA), Jabatan Hal Ehwal Agama Terengganu (JHEAT) dan Majlis Agama Islam dan Adat Melayu Terengganu (MAIDAM) telah mencapai objektif.

## **Konsep Kemiskinan**

Menurut Kamus Dewan Edisi Baru, kemiskinan berasal daripada kata dasar iaitu “miskin” yang bermaksud tidak berharta benda, serba kekurangan (dalam barang-barang keperluan hidup), melarat, papa (terlalu miskin). Manakala, kemiskinan pula membawa maksud perihal miskin, kekurangan dan kepaapaan (Kamus Dewan 2007:1037). Daripada definisi kemiskinan ini, maksud

yang paling jelas adalah kemiskinan merupakan suatu “sindrom situasi” yang meliputi unsur-unsur kekurangan makanan dan taraf kesihatan yang rendah, pendapatan rendah, pengangguran, keadaan perumahan yang tidak selamat, taraf pendidikan yang rendah, tidak menikmati keperluan moden, pekerjaan yang tidak terjamin, sikap hidup yang negatif dan fikiran yang kolot. Komponen ekonomi sering menjadi ukuran penting tahap kemiskinan. Di Malaysia, konsep kemiskinan yang sering digunakan adalah berasaskan komponen ekonomi dan dilihat dari dua aspek iaitu kemiskinan mutlak dan kemiskinan relatif. Kemiskinan mutlak merujuk kepada keadaan kekurangan pendapatan kasar bulanan untuk membeli keperluan minimum sesebuah isi rumah yang meliputi keperluan makanan, pakaian, tempat kediaman dan keperluan asas lain. Ukuran yang digunakan adalah berdasarkan taraf pendapatan minimum atau Pendapatan Garis Kemiskinan (PGK). Kemiskinan relatif pula merujuk kepada ketidaksamarataan pendapatan antara kumpulan yang diukur berdasarkan nisbah perbezaan pendapatan antara kumpulan pendapatan, kumpulan etnik, isi rumah bandar dan luar bandar, dan peratus isi rumah dengan pendapatan (Chamhuri, 2003).

Masalah kemiskinan tegar masih banyak terdapat di luar bandar yang majoritinya masyarakat petani, penternak dan nelayan. Kemiskinan tegar bermakna pendapatan mereka hanya separuh daripada pendapatan garis kemiskinan (PGK). Nilai PGK adalah RM760 sebulan. Ini bermakna pendapatan golongan yang berada dalam kemiskinan tegar hanyalah RM460 sebulan. Golongan yang berpendapatan isirumah kurang daripada RM2,000 sebulan pula termasuk dalam golongan mudah miskin. Walaupun negara Malaysia mencapai pertumbuhan ekonomi yang begitu pesat dan “*purchasing power parity*” yang tinggi tetapi terdapat masyarakat nelayan masih lagi tersisih dari arus kemajuan. Hasil kajian ini banyak lagi yang perlu dilakukan oleh kerajaan Persekutuan, kerajaan negeri dan perlu proaktif dan inovatif dalam merangka dasar, strategi dan program-program bagi membendung kemiskinan dan meningkatkan kesejahteraan hidup masyarakat tani (Muhyiddin, 2005).

Golongan miskin dan miskin tegar terdiri daripada pelbagai peringkat umur, mempunyai latar belakang kehidupan dan kesihatan berbeza-beza. Oleh yang demikian, usaha membasmi kemiskinan perlu dilaksanakan melalui pendekatan yang berbeza-beza. Bantuan yang diberikan kepada golongan ini adalah dalam bentuk kewangan dan kebendaan. Hasil daripada pengalaman Jabatan Kebajikan Masyarakat selama hampir 60 tahun dalam memberi bantuan kebajikan, kerajaan kini menjurus kepada “*productive welfare*” dimana golongan miskin dan tegar miskin yang produktif akan diberi bantuan dalam bentuk kemahiran, latihan dan motivasi/kursus pembangunan minda. Ini bertujuan untuk melatih mereka hidup berdikari tanpa bergantung kepada bantuan kerajaan semata-mata.

Bagi golongan yang tidak produktif seperti golongan tua, berpenyakit (sakit terlantar) dan orang kurang upaya (OKU), kerajaan akan terus memberi bantuan dalam bentuk kewangan dan kebendaan. Manakala golongan yang produktif (mereka yang sihat), kerajaan akan menyerap mereka ke dalam program IAZAM bagi membolehkan mereka meningkatkan pendapatan dan sekali gus mengeluarkan mereka daripada kepompong kemiskinan. Program IAZAM meliputi empat bidang iaitu Tani, Kerja, Khidmat dan Niaga (KPWKM, 2011). Berasaskan kepada kenyataan diatas, maka kajian ini dilakukan untuk mengkaji latar diri responden dan mengkaji faktor-faktor yang menyumbang kepada keperluan penting penduduk Teluk Ketapang di Kuala Terengganu menerusi program pendidikan pemantapan kerohanian.

## Objektif Kajian

1. Mengenal pasti masalah dan keperluan keluarga miskin,
2. Merancang pelan pembangunan berdasarkan keperluan sebenar penduduk kampung,
3. Melaksana beberapa projek perintis untuk keluarga miskin
4. Memantau dan menilai keberkesanan projek ke atas kumpulan sasaran.

## Metodologi Kajian

Program yang dicadangkan di sini merupakan satu strategi untuk merubah sikap kumpulan miskin agar mereka bersedia untuk melibatkan diri secara aktif dalam arus pembangunan negara. Projek ini melalui empat fasa seperti berikut:

	<b>Analisis Situasi Komuniti</b>	<b>Pencapaian</b>
<b>Fasa 1 (3 bulan)</b>	1. Memahami latar belakang komuniti Teluk Ketapang	Profil penduduk
	2. Memahami isu, peluang dan cabaran yang di hadapi oleh keluarga miskin	Laporan
	3. Memahami sistem ekonomi, sosial, kepimpinan, politik dan persekitaran di kawasan kajian	Laporan
	4. Mengenal pasti keperluan setiap kumpulan sasaran berdasarkan kepada senarai kepentingan dan kepuasan mereka.	Laporan Keperluan Penduduk
<b>Fasa 2 (3 bulan)</b>	<b>Merancang Pelan Pembangunan</b>	
	1. Mengenal pasti sama ada keluarga miskin tersebut bersedia untuk berubah atau tidak dan jika mereka bersedia, apakah hala tuju mereka seterusnya	Senarai keluarga miskin yang akan terlibat
	2. Membentuk strategi perubahan sikap dan mengenal pasti projek pendidikan dan kerohanian yang difikirkan sesuai dengan keperluan penduduk	Senarai projek mengikut keperluan penduduk
	3. Mengenal pasti peranan setiap agensi yang akan terlibat dalam projek yang dicadangkan	Senarai agensi yang bekerjasama
	4. Mengenal pasti sumber yang boleh digunakan untuk membantu keluarga miskin.	Senarai sumber yang ada
<b>Fasa 3</b>	<b>Pelaksanaan Projek untuk setiap kumpulan</b>	

<b>(1 tahun)</b>	<b>sasar</b>	
	1. Melaksanakan projek yang dikenal pasti untuk keluarga miskin (beberapa projek perintis sahaja)	Senarai projek yang dilaksanakan
<b>Fasa 4 (1 tahun)</b>	<b>Memantau dan menilai kesan setiap projek</b>	Menyediakan laporan akhir

### Fasa 1: Menganalisis Keperluan Penduduk Miskin

#### Demografi responden, gender, umur, taraf perkahwinan dan tahap pendidikan

Data kajian lapangan ini diperolehi mulai 2012. Responden yang dipilih ialah golongan miskin di Kampung Teluk Ketapang, Seberang Takir, Kuala Terengganu. Seramai 68 orang responden dipilih secara kaedah 'sampel bertujuan' (*purposive sampling*). Kaedah ini dilakukan berdasarkan beberapa kriteria yang menjadi prasyarat utama bagi pemilihan responden kajian iaitu mereka yang ada mendapat bantuan daripada baitulmal, Jabatan Kebajikan Masyarakat, dan tersenarai sebagai penerima e-kasih. Sejumlah 68 orang responden yang dipilih, terdiri daripada 39 orang (57 peratus) perempuan dan 29 orang (43 peratus) lelaki. Sejumlah besar responden (88 peratus) telah berkahwin, dengan majoriti, iaitu, 48 peratus (33 orang) adalah keluarga induk berpasangan (suami/isteri). Manakala, 40 peratus (27 orang) berstatus ibu atau bapa tunggal, iaitu duda, balu atau janda yang kehilangan pasangan akibat kematian atau perceraian. Hanya sebilangan kecil (12 peratus) masih bujang (rujuk Jadual 1).

Lebih separuh responden (59 peratus) terdiri daripada golongan tua dan warga emas berumur 50 tahun dan ke atas, satu pertiga (30 peratus) terdiri daripada golongan dewasa (30 - 49 tahun), dan bakinya golongan remaja (11 peratus) (rujuk Jadual 1). Umumnya, tahap pendidikan responden adalah sederhana rendah. Hampir satu pertiga responden (24 peratus) tidak pernah ke sekolah. Lebih satu pertiga responden (35 peratus) hanya berpendidikan rendah. Bakinya, 22 peratus berkelulusan SPM, 16 peratus berkelulusan PMR, dan 3 peratus mempunyai sijil kemahiran (rujuk Jadual 1).

Jadual 1 : Demografi Responden

Gender	Bilangan	Peratus
Lelaki	29	42.6
Perempuan	39	57.4
Jumlah	68	100.0
Kategori umur	Bilangan	Peratus
19 tahun dan ke bawah	1	1.5
20 hingga 29 tahun	6	8.8
30 hingga 39 tahun	8	11.8
40 hingga 49 tahun	13	19.1
50 hingga 59 tahun	15	22.1
60 tahun dan ke atas	25	36.8
Jumlah	68	100.0

Status Perkahwinan	Bilangan	Peratus
Bujang	8	11.8
Berkahwin	33	48.5
Janda/Duda	27	39.7
<b>Jumlah</b>	<b>68</b>	<b>100.0</b>
Pendidikan Tertinggi	Bilangan	Peratus
Tidak bersekolah	15	22.1
Sekolah Rendah (UPSR)	24	35.3
Sekolah Menengah Rendah(SRP/PMR)	11	16.2
Sekolah Menengah Atas (SPM/MCE)	15	22.1
Sijil	2	2.9
Kelayakan-kelayakan lain (Prasekolah)	1	1.5
<b>Jumlah</b>	<b>68</b>	<b>100.0</b>

### Maklumat Keluarga

Daripada 68 orang responden terpilih ini dibahagikan kepada tujuh kategori, iaitu warga emas (melebihi 65 tahun) (17 orang), ibu/bapa tunggal (17 orang), penerima bantuan am (12 orang), OKU tidak bekerja (10 orang), pekerja cacat (6 orang), orang awam yang berpendapatan kurang RM700 (4 orang), dan pesakit terlantar (2 orang) (lihat Jadual 2).

Jadual 2 : Kategori Responden

kategori responden	Bilangan	Peratus
OKU tidak bekerja	7	10.3
pekerja cacat	9	13.2
warga emas (melebihi 65 tahun)	17	25.0
penerima bantuan am	12	17.6
ibu/bapa tunggal	17	25.0
pesakit terlantar	2	2.9
orang awam (pendapatan kurang RM700/bulan)	4	5.9
<b>Jumlah</b>	<b>68</b>	<b>100.0</b>

Hasil kajian mendapati lebih satu pertiga (35 peratus) responden mempunyai saiz keluarga yang besar (7-10 orang), dengan 7 peratus daripadanya sangat besar (11 orang dan ke atas). Sementara, satu pertiga (34 peratus) lagi masing-masing mempunyai saiz keluarga sederhana (4-6 orang), dan satu pertiga (31 peratus) keluarga saiz kecil (1-3 orang). Kajian menunjukkan majoriti responden adalah dalam kalangan mereka yang berumur 50 tahun dan ke atas. Justeru, jumlah tanggungan mereka juga adalah kecil, iaitu menanggung pasangan masing-masing serta seorang anak. Justeru, data menunjukkan lebih separuh (63 peratus) responden mempunyai saiz

tanggungan yang kecil (1-3 orang), dan sederhana (4-6 orang) sebanyak 24 peratus. Bakinya, masih mempunyai bilangan tanggungan yang besar (7-10 orang) sebanyak 12 peratus, dan seorang responden mempunyai tanggungan yang sangat besar (11 orang dan ke atas). Mereka ini terdiri daripada responden yang berumur 45 tahun dan ke bawah (lihat Jadual 3).

Jadual 3 : Saiz isi rumah dan tanggungan

Saiz Isi rumah	Bilangan	Peratus
Kecil (1-3 orang)	21	30.9
Sederhana (4-6 orang)	23	33.8
Besar (7-10 orang)	19	27.9
Sgt. besar (11 orang dan ke atas)	5	7.4
Jumlah	68	100.0
Saiz tanggungan	Bilangan	Peratus
Kecil ( 1-3 orang)	43	63.2
Sederhana (4-6 orang)	16	23.5
Besar (7-10 orang)	8	11.8
Sangat besar (11 orang dan ke atas)	1	1.5
Jumlah	68	100.0

### Pekerjaan dan Pendapatan Responden

Hasil kajian menunjukkan majoriti responden (79 peratus) mempunyai pekerjaan untuk menyara hidup. Misalnya, satu pertiga responden (34 peratus) menyara kehidupan dengan berniaga kecil-kecilan seperti pembuat kuih, keropok dan sebagainya, sebagai buruh (24 peratus), petani (13 peratus) dan nelayan (9 peratus). Bakinya, tidak bekerja serta tidak berupaya untuk bekerja (21 peratus) (lihat Jadual 4).

Daripada 38 orang yang bekerja dan menyatakan jumlah pendapatan yang diperolehi, majoriti responden (74 peratus) memperolehi pendapatan di bawah garis kemiskinan (RM500), dengan satu pertiga (32 peratus) hanya berpendapatan RM250 sebulan. Sebilangan kecil (26 peratus) berpendapatan antara RM501 hingga RM1000 sebulan (lihat Jadual 4).

Jadual 4: Jenis pekerjaan dan pendapatan utama responden

pekerjaan responden utama	Bilangan	Peratus
Nelayan	6	8.8
Petani	9	13.2
Peniaga	23	33.8
Buruh	16	23.5
Penganggur/Tidak bekerja	14	20.6
Jumlah	68	100.0



Pendapatan responden	Bilangan	Peratus
RM250 dan ke bawah	12	31.6
RM251 hingga RM500	16	42.1
RM501 hingga RM750	6	15.8
RM751 hingga RM1000	4	10.5
Jumlah	38	100.0

Hasil kajian menunjukkan majoriti (76 peratus) purata pendapatan isirumah dalam kalangan responden juga adalah sangat rendah (RM250-RM750). Selebihnya, 7 peratus lagi dengan masing-masing memiliki purata pendapatan isirumah rendah, iaitu RM751-RM1000 dan sederhana rendah RM1001 - RM2000. (lihat Jadual 5).

Jadual 5: Purata Pendapatan Isi Rumah

Purata Pendapatan Isi Rumah	Bilangan	Peratus
<i>Sangat rendah</i>		
*RM250 dan ke bawah	5	8.5
*RM251 hingga RM500	17	28.8
*RM501 hingga RM750	23	39.0
<i>Rendah</i>		
*RM751 hingga RM1000	7	11.9
<i>Sederhana rendah</i>		
*RM1001 hingga RM2000	7	11.9
Jumlah	59	100.0

Daripada 68 orang responden, hanya sebahagian kecil (40 peratus) yang menyatakan ada memberikan sumbangan kepada ketua isirumah, dan majoriti (60 peratus) langsung tidak mendapat sumbangan daripada anggota isi rumah. Antara penyebab utama ialah kebanyakan anggota isirumah tersebut masih bersekolah dan sebahagiannya pula belum bekerja (lihat Jadual 6).

Jadual 6: Sumbangan Isi rumah kepada ketua isi rumah

Sumbangan kepada KIR	Bilangan	Peratus
RM250 dan ke bawah	18	26.5
RM251 hingga RM500	7	10.3
RM501 hingga RM750	1	1.5
RM751 hingga RM1000	1	1.5
Total	27	39.7
Tidak mendapat sumbangan	41	60.3
Jumlah	68	100.0

## Fasa 2: Merancang Projek Pembangunan

Fasa 2 kajian ini ialah mengenal pasti projek pembangunan untuk kumpulan sasaran mengikut keperluan dan minat mereka. Bagi memilih projek yang sesuai untuk setiap kumpulan sasaran, penyelidik perlu mengenali peserta secara lebih dekat terutamanya mengenai minat dan kemampuan mereka. Bagi mengenali mereka secara lebih dekat, satu majlis silaturrahim diadakan bersama komuniti di Kampung Teluk Ketapang. Diantara program adalah seperti berikut:

### Majlis Silaturrahim bersama Komuniti Teluk Ketapang

Satu majlis silaturrahim bersama kumpulan sasaran telah dilaksanakan pada 26 September 2012 bertempat di Balai Raya Kampung Teluk Ketapang. Majlis ini bertujuan untuk merapatkan hubungan antara kumpulan sasaran (penduduk miskin) dengan agensi (UMT, UniSZA, MAIDAM, JKM, YPU, LKIM), mengenalpasti keperluan kumpulan sasaran secara lebih tepat, berkongsi ilmu dan idea berkenaan projek-projek yang akan dilaksanakan dan berkongsi pengetahuan dalam pembangunan sahsiah diri dan keluarga menerusi ceramah yang disampaikan.

### Mengenalpasti Projek yang sesuai dengan Peserta Program

Selepas majlis silaturrahim dilaksanakan, penyelidik telah mengenal pasti beberapa projek yang sesuai untuk peserta program. Di antara peserta yang layak dan berminat adalah sebagaimana Jadual 7:

Jadual 7: Cadangan Projek Mengikut Nama Peserta

Bil	Nama Peserta	Nama Projek	Catatan
1	Pn. Salaumi Said @ Harun	Perusahaan keropok lekor dan keropok kering	Memberi bantuan dari segi modal, mesin dan kelengkapan-kelengkapan lain
2	Cik Noor Aida Juhari	Berniaga/Penjaja	Memberi bantuan dari segi modal dan keperluan perniagaan.
3	Semua peserta	Bekalan Penapis Air Bersih (Air Minum)	Memberi bantuan dari segi menyediakan penapis air untuk bekalan air bersih kepada semua peserta program (air minum). Penapis air komuniti diletakkan di rumah Pengerusi Homestay untuk kegunaan bersama.
4	18 orang Peserta yang berminat sahaja	Kursus Industri Pembuatan Bakery	Memberi bantuan dari segi kewangan bagi pelaksanaan kursus tersebut.

5	Pn. Norapisah Abu Bakar	Berniaga	Memberi bantuan dari segi keperluan perniagaan.
---	----------------------------	----------	---

Melalui pemerhatian yang telah dibuat, penyelidik telah bersetuju untuk melaksanakan lima projek perintis sepertimana Jadual di atas. Penyelidik juga telah bersetuju untuk menyiasat terlebih dahulu sebelum bantuan tersebut diberikan. Selain daripada bantuan kewangan, penyelidik juga akan memberikan bantuan mengikut keperluan kumpulan sasaran. Antaranya bantuan dalam aspek pendidikan, pemakanan dan kesihatan, kerohanian, keagamaan dan pembangunan sosial.

### **Fasa 3: Melaksanakan Projek Pembangunan**

Fasa 3 adalah melaksanakan projek pembangunan untuk kumpulan sasaran yang telah dikenalpasti dari Fasa 2. Hasil analisis keperluan telah mengenalpasti beberapa orang penduduk dan projek yang sesuai untuk diberi bantuan. Kesemua projek yang dikenalpasti dilaksanakan secara kecil-kecilan sebagai projek perintis.

### **Bantuan dan Bimbingan**

Bantuan yang diberikan bagi memulakan perniagaan adalah dalam bentuk peralatan iaitu mesin dan kelengkapan perniagaan yang bernilai RM 6,482.00 dan papan tanda perniagaan yang bernilai RM 1,080.00. Jumlah keseluruhan bantuan adalah sebanyak RM 7,562.00. Penyelidik juga membantu dalam membimbing responden bagi penyediaan aliran tunai dan hal-hal kewangan perniagaan. Diantara pekerjaan bagi kumpulan sasaran seperti Kedai keropok lekor, Gerai Makanan Segera, Bekalan Penapis Air Bersih (Air Minum) Komuniti untuk Penduduk Miskin dan Miskin Tegar, Kursus Industri Pembuatan Bakery dan Berniaga makanan.

### **Fasa 4: Penilaian Kesan Projek Ke Atas Kumpulan Sasar**

Setelah penyelidik mengenalpasti keperluan penduduk, sebanyak lima projek perintis telah dikenalpasti untuk diberi bantuan. Projek tersebut merangkumi tiga projek ekonomi (satu kedai keropok dan dua gerai makanan), satu projek pendidikan (kursus industri pembuatan bakery) dan satu projek kesihatan (bekalan penapis air bersih). Kesemua projek ini memberi kesan yang pelbagai kepada keluarga dan masyarakat sekeliling. Mengikut tinjauan para penyelidik semasa pemantauan selama tiga bulan, didapati bahawa projek-projek tersebut memberi kesan seperti berikut:

#### **a) Projek Ekonomi**

Tiga projek ekonomi yang dibiayai telah melahirkan seorang usahawan wanita yang dahulunya bekerja sebagai pekerja bergaji harian kini telah berpeluang menjalankan projek keusahawanan sosial. Tujuan utama projek keusahawanan sosial bukan sahaja untuk memberi keuntungan semata-mata tetapi menyelesaikan masalah pengangguran dalam kalangan penduduk. Projek ini telah berjaya meningkatkan ekonomi ibu tunggal dan berjaya memberi pekerjaan kepada adik dan adik ipar beliau manakala projek ekonomi kedua menggambarkan satu projek bersifat tanggungjawab sosial yang menunjukkan keprihatinan kepada kumpulan OKU.

#### b) Projek Pendidikan

Projek pendidikan yang menjadi tumpuan komuniti Teluk Ketapang ialah Projek Pembuatan Bakery. Ia dijalankan untuk menambah kemahiran penduduk miskin Teluk Ketapang seterusnya bagi meningkatkan pendapatan keluarga. Melalui kursus ini, peserta diajar cara-cara untuk membuat pelbagai jenis roti dan mereka dibantu dari segi pemasaran roti.

#### c) Projek Kesihatan

Masyarakat pesisir selama ini menghadapi masalah air minum yang tidak bersih. Oleh itu, projek ini telah membekalkan sebuah penapis air yang ditempatkan di sebuah rumah pemimpin setempat. Kalau dahulu penduduk terpaksa membeli air minum, sekarang mereka memperolehinya secara percuma. Projek ini bukan sahaja berjaya memberikan air bersih percuma tetapi ia juga memberi kesan sampingan iaitu menggalakkan penduduk berkongsi satu kemudahan untuk kepentingan bersama kerana mereka perlu berkongsi untuk mendapatkan air dan menjaga kemudahan tersebut. Diharapkan ia dapat mengeratkan silaturrahim penduduk kerana mereka memerlukan kerjasama antara satu sama lain untuk menjaga dan mengurus kemudahan awam ini.

### **Impak**

Kejayaan projek ini telah mendapat perhatian pihak swasta iaitu pihak Yayasan MyKasih. Yayasan ini ingin memberi sumbangan seterusnya menawarkan bantuan makanan kepada penduduk miskin di Teluk Ketapang. Pihak Yayasan MyKasih mengetahui berkenaan projek ini dengan membaca aktiviti yang dilaksanakan oleh pihak CSD, UMT yang membuat penyelidikan berkenaan nelayan Teluk Ketapang. Mereka telah memberi amanah kepada kumpulan penyelidik bagi penyampaian sumbangan daripada pihak mereka. Pihak Yayasan MyKasih mempunyai peruntukan untuk memberi bantuan dalam bentuk makanan sebanyak RM80 sebulan untuk 50 orang penduduk miskin dan miskin tegar selama setahun. Penduduk miskin dan miskin tegar yang terlibat dalam projek ini telah diberi cip yang boleh digunakan untuk pembelian barangan keperluan di Pasaraya Giant sebanyak RM 80 sebulan.

### **Cadangan**

Kajian pertama kali di kampung Teluk Ketapang merupakan kajian awal terhadap masyarakat miskin. Ia memerlukan ketelitian dan kesabaran dalam menyampaikan syarahan agama dalam satu-satu sesi pertemuan. Sekiranya dimuatkan terlampau banyak seri ceramah agama dikuatiri mereka akan menjauhkan diri dan tidak mahu hadir. Dalam keadaan ini pengkaji harus mengetahui dan mengenalpasti keperluan mereka, Pihak penyelidik mencadangkan supaya projek-projek yang akan datang dapat dibantu melalui pelbagai sumber kewangan. Selain itu, masyarakat setempat terutama yang mampu perlu dilibatkan bagi membantu golongan ini. Sekiranya pendekatan ini sudah mantap, ia boleh diperkembangkan ke kawasan lain seperti kawasan pesisir Terengganu Utara. Projek membasmi kemiskinan masa akan datang hendaklah memberi tumpuan yang lebih kepada aspek pembangunan keluarga dan komuniti, bukan kepada memberi bantuan kepada individu. Strategi yang lebih berkesan ialah berusaha memperkasakan

komuniti seperti JKKK dan pertubuhan-pertubuhan lain. Justeru jentera peringkat komuniti sepatutnya mengambil peranan dan tanggungjawab untuk membantu rakyat miskin. JKKK, jawatankuasa masjid, pertubuhan belia dan sebagainya memainkan peranan mengemaskinikan rekod e-kasih, mendekati keluarga miskin dan bersama-sama menghubungkan menghubungkan mereka kepada agensi kerajaan untuk mendapat bantuan dan bimbingan seperti Jabatan Kebajikan Masyarakat, MARA, pertanian, pendidikan dan badan-badan lain. Sekiranya semua jentera NGO, kerajaan, swasta dan kepimpinan peringkat kampung bergerak secara bersepadu untuk membantu penduduk miskin, masalah kemiskinan dapat dikurangkan dengan berkesan.

## Rujukan

- Abdul Malik Ismail, Shamhuri Siwar, Basri Abdul Talib dan Nik Hashim Mustapa, 1996, Kemiskinan Nelayan Di Kawasan Perbangunan Nelayan, Pantai Timur Semenanjung Malaysia, Dalam kemiskinan dalam Arus Pembangunan Ekonomi Malaysia, eds. Chamhuri Siwar dan Nor Aini Hj. Idris, 203-22-. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Dara Aisyah, Katiman Roestam, Hair Awang, 2009, Pemberdayaan Ekonomi Masyarakat Pesisir Di Indonesia: Suatu Kajian di Kecamatan Cilincing, Jakarta Utara, Indonesia. Jurnal Kebijakan Dan Administrasi Publik, Volume 13, Nombor 2 Issn: 0852-9213.
- Firth, R. 1966 Malay Fishermen: Ther Peasant Economy, 2<sup>nd</sup> London: Routledge and Kegan Paul.
- Ishak Shari, 1990, Ekonomu Nelayan : Pengumpulan Modal, Perubahan Teknologi dan pembezaan ekonomi, Kuala Lumpur, Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Chamhuri Siwar, 2013. Kemiskinan bandar dan sektor tidak format di Malaysia. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat. (KPWKM). (2011). Impak Positif NKRA LIH. <http://www.kpwkm.gov.my/nkra/impak>. [15/11/2013].
- Kusnadi, 2006, Filosofi Pemberdayaan Masyarakat Pesisir, Bandung: Hunamiora.
- Muhyiddin Mohd Yassin, (2005). *Mesyuarat* dengan Ahli-Ahli Exco Pertanian, <http://banktani.tripod.com/muhyiddin.htm> pada 25/1/2006, Hotel Renaissance, Kuala Lumpur.
- Norizan Badul Ghani, 2003, Kualiti Hidup Penduduk Pulau Negeri Terengganu: Suatu Kajian di Pulau Redang dan Pulau Perhentian, Tesis Ph.D., Kolej Universiti Sains dan Teknologi Malaysia.
- Renwick, R., 2006, The Quality Life Model, <http://www.utononto.ca/qol/concepts.htm>, pada 25.1/2006.
- Unit Penyelidikan Sosio Ekonomi (UPS), 189a, Draf Kajian Sosio Ekonomi Rakyat: Kemiskinan (Bachok), Jabatan Perdana Menteri: Kuala Lumpur.